

**SOALAN LAZIM BERKAITAN URUSNIAGA  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA SEWAKTU TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
18-31 MAC 2020**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	<p>Bagaimana Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menghadapi dan menangani penularan wabak COVID 19?</p>	<p>JPN telah melaksanakan tindakan pencegahan berikut bagi menangani penularan wabak ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan petugas untuk memeriksa suhu badan kakitangan dan pelanggan;</li> <li>ii. Menyediakan cecair sanitasi di pintu-pintu masuk Jabatan dan kaunter-kaunter urus niaga;</li> <li>iii. Meningkatkan tahap kebersihan premis; dan</li> <li>iv. Mewajibkan para petugas di kaunter memakai penutup mulut (<i>mask</i>) dan sarung tangan getah (<i>rubber glove</i>).</li> </ul>
2.	<p>Apakah punca kuasa JPN menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?</p>	<p>Arahan kawalan yang dilaksanakan JPN adalah berdasarkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perintah Kawalan Pergerakan (<i>Movement Control Order</i>) 18 - 31 Mac 2020, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 17 Mac 2020;</li> <li>ii. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (1988);</li> <li>iii. Akta Polis (1967); dan</li> <li>iv. Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan 2020 (18 Mac 2020) P.U.(A) 91.</li> </ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
3.	Berapakah bilangan pejabat JPN yang dibuka sepanjang tempoh PKP?	Sepanjang tempoh PKP, JPN membuka <b>39 buah</b> pejabat JPN di seluruh negara (seperti di lampiran).
4.	Bilakah waktu operasi kaunter JPN?	<p>Waktu operasi kaunter JPN bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.</p> <p><b>Isnin hingga Jumaat</b> Perlis, Pulau Pinang, Perak, Putrajaya Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah, Sarawak dan Labuan;</p> <p><b>Ahad hingga Khamis</b> Kedah, Johor, Terengganu, Kelantan</p> <p>Untuk maklumat lanjut semakan boleh dibuat di <a href="http://www.jpn.gov.my">www.jpn.gov.my</a></p>
5.	Bagaimana pula status operasi kaunter-kaunter JPN di UTC seluruh negara?	<p>Kerajaan telah memutuskan bahawa <b>operasi semua UTC ditutup kepada umum bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020.</b></p> <p>Penguatkuasaan ini berdasarkan surat arahan dari Kementerian Kewangan bertarikh 17 Mac 2020.</p>
6.	Apakah jenis urusan dan perkhidmatan kaunter JPN yang dibuka?	<p>Hanya lima (5) urusan dibenarkan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Permohonan kad pengenalan rosak atau hilang sahaja.</b> Permohonan Kad Pengenalan kali pertama (12 tahun) boleh ditangguhkan dahulu sehingga tempoh PKP berakhir.</li> <li>ii. <b>Cabutan rekod kad pengenalan;</b></li> <li>iii. <b>Pendaftaran kelahiran;</b></li> <li>iv. <b>Cabutan sijil kelahiran; dan</b></li> <li>v. <b>Pendaftaran sijil kematian.</b></li> </ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>JPN menasihati orang ramai menangguhkan urusan di JPN kecuali bagi urusan mendesak dan kecemasan sahaja seperti urusan perbankan, pekerjaan, perkhidmatan kesihatan dan yang berkaitan dengan agensi penguatkuasaan sahaja.</p>
7.	<p>Bagaimana urusan di Bahagian urusanniaga utama yang lain ?</p>	<p>Sepanjang tempoh perintah kawalan ini semua urusanniaga kaunter Bahagian Kewarganegaraan (BWN), Bahagian Perkahwinan dan Penceraian (BKC) dan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan (BSK) ditangguhkan.</p> <p>Bagi urusan semakan atau pertanyaan pelanggan boleh menghubungi di talian <b>03 - 8880 8134</b> untuk urusan perkahwinan dan penceraian. Manakala untuk urusan siasatan dan penguatkuasaan boleh menghubungi di talian <b>03 - 8880 7770</b>.</p> <p>Para pelanggan boleh menghubungi Bahagian Kewarganegaraan bagi tujuan semakan permohonan status kewarganegaraan di talian <b>03 - 8880 8171</b>.</p>
8.	<p>Adakah urusan daftar lewat kad pengenalan dan daftar lewat kelahiran masih diteruskan?</p>	<p>Semua urusan daftar lewat kad pengenalan dan daftar lewat kelahiran ditangguhkan sepanjang semasa tempoh PKP.</p>
9.	<p>Adakah kutipan kad pengenalan (MyKAD, MyPR dan MyKAS) boleh dibuat?</p>	<p>Pelanggan diminta hadir membuat kutipan kad pengenalan selepas tempoh PKP sekiranya tiada keperluan mendesak seperti urusan perbankan, pekerjaan, perkhidmatan kesihatan dan yang berkaitan dengan agensi penguatkuasaan. Bagi tempoh ini, slip kad pengenalan sementara (KPPK09/ KPPK11) boleh digunakan sebagai pengenalan diri.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
10.	Adakah urusan Permohonan MyPR dan MyKAS masih boleh dibuat?	Tiada urusan permohonan MyPR dan MyKAS semasa tempoh PKP.
11.	Adakah urusan pindaan butiran dan alamat pada kad pengenalan boleh dibuat?	Semua urusan pindaan butiran dan alamat pada kad pengenalan ditangguhkan sepanjang tempoh kawalan.
12.	Adakah permohonan cabutan daftar kad pengenalan masih boleh dikemukakan?	Semua urusan cabutan daftar kad pengenalan ditangguhkan sepanjang tempoh PKP kecuali bagi kegunaan agensi penguatkuasaan, mahkamah dan institusi kewangan.
13.	Sekiranya anak saya lahir pada tempoh 18 Mac sehingga 31 Mac 2020, bagaimana saya hendak berdaftar lahir?	Pendaftaran kelahiran boleh dibuat di mana-mana pejabat JPN yang beroperasi sepanjang tempoh PKP. Walau bagaimana pun, JPN ingin menasihati pelanggan supaya menangguhkan dahulu pendaftaran kelahiran anak sehingga berakhir tempoh PKP. Ini kerana pelanggan mempunyai masa selama 60 hari untuk mendaftar anak-anak mulai tarikh kelahiran.
14.	Anak saya sudah berumur 12 tahun dan bolehkah saya membuat kad pengenalan dalam tempoh PKP ini?	Pelanggan dinasihatkan hadir ke JPN selepas tempoh PKP.
15.	Jika ada kematian, bagaimana saya ingin mendaftar kematian tersebut?	Pendaftaran kematian boleh dibuat di mana-mana pejabat JPN yang beroperasi dalam tempoh PKP.
16.	Bolehkah saya meneruskan upacara perkahwinan dalam tempoh PKP ini?	Upacara perkahwinan ditangguhkan sepanjang tempoh PKP. Pelanggan boleh menghubungi talian 03 - 8880 8134 mendapatkan tarikh baru perkahwinan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
17.	Bagaimanakah urusan tribunal perkahwinan dalam tempoh PKP berkuatkuasa?	Urusan tribunal perkahwinan ditangguhkan sepanjang tempoh kawalan pergerakan. Pelanggan boleh menghubungi talian 03 - 8880 8134 mendapatkan tarikh baru tribunal perkahwinan.
18.	Bagaimanakah upacara perkahwinan yang dilaksanakan oleh Penolong Pendaftar Perkahwinan di kuil, gereja dan persatuan agama?	Upacara perkahwinan di kuil, gereja dan persatuan agama ditangguhkan sepanjang tempoh PKP.
19.	Bolehkah sekiranya saya ingin mengemukakan permohonan anak angkat dalam tempoh PKP?	Urusan permohonan pengangkatan ditangguhkan. Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi 03 - 8880 7856/7857/7852/7864

**SENARAI 39 PEJABAT JPN YANG AKAN BEROPERASI  
SELURUH NEGARA**

<b>NEGERI</b>	<b>PEJABAT JPN NEGERI</b>
PUTRAJAYA	1. IBU PEJABAT JPN PUTRAJAYA
SELANGOR	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI 2. JPN PETALING JAYA 3. JPN KLANG
KUALA LUMPUR	1. JPN DUTAMAS
JOHOR	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI 2. JPN KLUANG 3. JPN KOTA TINGGI 4. JPN BATU PAHAT
NEGERI SEMBILAN	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI
MELAKA	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI
PERLIS	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI
KEDAH	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI 2. JPN KULIM
PERAK	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI 2. JPN MANJUNG 3. JPN BAGAN DATUK
PULAU PINANG	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI 2. JPN SEBERANG PERAI UTARA
KELANTAN	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI 2. JPN MACHANG
TERENGGANU	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI 2. JPN DAERAH BESUT
PAHANG	1. IBU PEJABAT JPN NEGERI 2. JPN TEMERLOH 3. JPN RAUB

<b>NEGERI</b>	<b>PEJABAT JPN NEGERI</b>
SABAH	<ol style="list-style-type: none"><li>1. IBU PEJABAT JPN NEGERI</li><li>2. JPN SIPITANG</li><li>3. JPN SEMPORNA</li><li>4. JPN SANDAKAN</li><li>5. JPN RANAU</li><li>6. JPN NABAWAN</li><li>7. JPN LAHAD DATU</li><li>8. JPN KOTA MARUDU</li></ol>
SARAWAK	<ol style="list-style-type: none"><li>1. IBU PEJABAT JPN NEGERI</li><li>2. JPN SRI AMAN</li><li>3. JPN SARIKEI</li><li>4. JPN BINTULU</li><li>5. JPN KAPIT</li></ol>